

13/06/2001

Pelbagai acara prapelancaran Puteri Umno mulai 24 Jun

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Selasa - Puteri Umno akan melaksanakan pelbagai aktiviti dalam program bergerak prapelancarannya di setiap negeri selama dua bulan yang dijangka berakhir 3 Ogos depan.

Kemuncak kepada program bergerak itu ialah pada 3 Ogos depan apabila Puteri Umno dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno.

Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, berkata program yang bermula di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 24 Jun ini bertujuan mencari dan meningkatkan bilangan ahli di samping memperkenalkan Puteri Umno kepada masyarakat.

Beliau berkata, seramai 2,000 ahli baru Puteri Umno dijangka menyertai program itu di setiap negeri.

Selain, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri lain yang terbabit dengan program itu ialah Perlis (30 Jun), Negeri Sembilan (1 Julai), Sabah (8 Julai), Kelantan (13 Julai), Melaka (14 Julai), Selangor (15 Julai), Kedah (20 Julai), Terengganu (21 Julai), Pahang (22 Julai), Perak (28 Julai), Pulau Pinang (29 Julai) dan Johor (30 Julai).

"Semua tempat prapelancaran Puteri Umno akan dirasmikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dengan membabitkan beberapa acara, termasuk program simbolik yang sudah diatur.

"Sebagai contoh di Melaka, pada hari berkenaan, 2,000 ahli Puteri Umno akan berjalan di sekitar tempat bersejarah di negeri berkenaan manakala di Pahang, acara simbolik kemasukan ahli Puteri Umno ialah upacara menanam pokok secara beramai-ramai.

"Walaupun program di setiap negeri bermula jam 3 petang, kita akan mengadakan bengkel kepimpinan dan orientasi Umno membabitkan 500 ahli Puteri Umno yang dihantar setiap bahagian pada sebelah pagi," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penaja Puteri Umno di sini, hari ini.

Azalina turut mengumumkan pelantikan dua lagi anggota Exco pusat bagi menjadikan jumlahnya kepada enam orang. Mereka ialah Siti Rohayah Attan dan Habibah Mohd Shariff.

Siti Rohayah, 33, adalah Pengarang Sastera dan Budaya Utusan Melayu Malaysia Berhad, manakala Habibah pula ialah penyelia sebuah kilang di Petaling Jaya.

Dalam sidang akhbar itu, Azalina turut mengumumkan pelantikan Fahariyah Md Nordin sebagai Ketua Puteri Umno Johor yang baru bagi menggantikan Hazlina Jalil yang meletak jawatan baru-baru ini.

Azalina turut mengumumkan penubuhan enam biro iaitu Biro Politik yang dipengerusikan olehnya, Biro Agama (Ketua Puteri Umno Kelantan, Yusnita Muhamed Yusoff); Biro Penerangan dan Perhubungan (Mastina Abdul Hamid); Biro Kesihatan (Norhamizah Mat Tahir); Biro Perkhidmatan (Noor Liza Abu Hasan) dan Biro Pendidikan (Sharifah Shahirah Syed Sheikh).

Mengenai Perhimpunan Agung Umno yang akan berlangsung empat hari mulai 19 Jun ini, Azalina berkata, Puteri Umno diberi 50 tempat untuk menghadiri perhimpunan itu sama jumlah seperti diberi kepada Pemuda dan Wanita Umno.

"Saya juga akan menyampaikan ucapan terima kasih pada Presiden," katanya.

(END)